



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/11/05_53 (HQ)

TNB DAN PETRONAS BEKERJASAMA MENEROKA TEKNOLOGI PENANGKAPAN DAN PENYIMPANAN KARBON (CCS) UNTUK PENJANAAN LOJI JANAKUASA GAS

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan **Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)** telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meneroka teknologi Penangkapan dan Penyimpanan Karbon (CCS) bagi loji janakuasa gas.

Kerjasama ini menandakan komitmen kedua-dua pihak terhadap Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Justeru, MoU menterjemah aspirasi tersebut menjadi inisiatif dan tindakan, sejajar NETR yang mengenal pasti Penangkapan Karbon, Penggunaan, dan Penyimpanan (CCUS) sebagai Tuas Peralihan Tenaga ke-6 dengan langkah jelas ke arah karbon sifar bersih.

Pertukaran MoU ini disempurnakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din dan Presiden/Ketua Pegawai Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik dengan kehadiran Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad; Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid dan Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh pada Persidangan Peralihan Tenaga 2023 anjuran TNB, Ogos lalu.

Baharin menekankan bahawa MoU ini mengukuhkan komitmen TNB dan PETRONAS terhadap NETR. CCS merupakan satu daripada tuas peralihan tenaga utama yang digariskan dalam NETR, dan MoU ini akan membolehkan TNB serta PETRONAS menggabungkan kepakaran mereka dalam menyelaraskan usaha di bidang teknologi CCS bagi loji penjaan gas.

Beliau menyatakan, "TNB komited sepenuhnya untuk mencapai karbon sifar bersih menjelang 2050 dan sedang giat menjalankan pelbagai inisiatif dalam memacu penyahkarbonan di Malaysia. Antara usaha ini termasuk penangkapan dan penyimpanan karbon ketika penjaan tenaga di loji janakuasa gas. MoU ini sejajar dengan agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) TNB yang menyatakan komitmen teguh terhadap kelestarian alam sekitar melalui penerokaan teknologi CCS dan selaras dengan NETR Malaysia."

Tengku Muhammad Taufik menegaskan bahawa peralihan tenaga adalah satu cabaran sistemik yang memerlukan kerjasama dengan sektor-sektor lain untuk mencapai sasaran karbon sifar bersih.

Beliau turut menyatakan, "MoU ini adalah bukti keyakinan bersama PETRONAS dan TNB bagi mewujudkan laluan dalam melaksanakan tanggungjawab menyediakan tenaga yang selamat serta menyokong aspirasi rendah karbon yang dinyatakan dalam NETR.

Dengan gabungan pengalaman dan keupayaan teknikal sebagai pemilik infrastruktur tenaga, PETRONAS menaruh harapan tinggi untuk mempercepat pembangunan dan pelaksanaan teknologi CCS sebagai sebahagian daripada sistem penyahkarbonan tenaga. Bersama kita boleh memanfaatkan potensi teknologi yang ada secara sepenuhnya untuk mengurangkan pelepasan karbon dengan segera. PETRONAS kekal dengan tekad untuk mencari penyelesaian yang akan menggerakkan perkembangan ke arah masa depan lebih lestari, selaras dengan sasaran sifar bersih menjelang tahun 2050."

Dalam pada Malaysia beralih ke arah ekonomi rendah karbon, gas asli memainkan peranan penting bagi landskap tenaga negara dengan menawarkan sumber asas tenaga yang mampu dan boleh dipercayai. Oleh itu, loji penjanaan gas akan membolehkan integrasi lebih baik bagi sumber tenaga boleh baharu yang mana kerjasama di antara TNB dan PETRONAS dalam pelaksanaan teknologi CCS akan membantu menyumbang kepada usaha penyahkarbonan negara.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5 November 2023, jam 10:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731
atau emel kami: media@tnb.com.my*

Mengenai TNB

Tenaga Nasional Berhad (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turkiye, Arab Saudi dan India. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2022, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 2,896MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 993MW di seluruh UK, Turkiye, dan India yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.6 juta pelanggan.

Mengenai PETRONAS

Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) merupakan kumpulan tenaga global yang dinamik dengan jejak di lebih 100 buah negara. Kumpulan ini menghasilkan dan menyalurkan tenaga serta solusi yang memacu kemajuan masyarakat secara bertanggungjawab dan lestari.

PETRONAS mengenal pasti potensi tenaga di seluruh dunia, mengoptimumkan nilai melalui model perniagaan yang bersepadu. Portfolionya merangkumi sumber konvensional yang lebih bersih dan sumber boleh baharu serta pelbagai produk canggih dan solusi yang bersesuaian.

Kelestarian adalah asas kepada gerak kerja Kumpulan ini, dengan memanfaatkan kebaikan dalam tenaga untuk meningkatkan dan memperkayakan kehidupan. Komuniti masyarakat adalah kekuatannya dan rakan untuk pertumbuhan, mendorong semangat inovasi demi kemajuan ke arah masa depan kelestarian tenaga.


Tenaga Nasional Berhad
and
Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)

to
**Explore Carbon Capture and Storage Technology for
Gas-Fired Power Plants**

29 August 2023



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din (kiri sekali) dan Presiden & Ketua Pegawai Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik (kanan sekali). Upacara tersebut diadakan semasa Persidangan Peralihan Tenaga 2023 pada 29 Ogos 2023 lalu dengan kehadiran Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli (kiri ketiga), Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad (kanan ketiga), Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (kiri kedua) dan Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh (kanan kedua).



Proses Karbon: Dari Penangkapan Berkala di Loji Penjanaan Gas ke Loji Bawah Tanah Melalui Darat dan Laut

CCS merangkumi proses penangkapan emisi karbon dioksida (CO₂) daripada aktiviti industri. Setelah itu, karbon yang diperangkap dipindahkan dari lokasi sumbernya, sama ada melalui penghantaran laut atau melalui paip, dan disimpan dengan selamat di dalam struktur geologi bawah tanah.